



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 50
No. 2

19hb Januari 2006

*TAMBAHAN No. 6
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 25.

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENYAH 2002

**PERINTAH BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENYAH
(AUSTRALIA) 2006**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 17(1) Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [*Akta 621*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Australia) 2006**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa mengikut Perkara 27(1) Triti.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, "Triti" ertinya Triti antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Australia mengenai Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah yang ditandatangani di Putrajaya, Malaysia pada 15 November 2005 dan Pertukaran Nota bertarikh 7 Disember 2005 yang di bawahnya Australia telah bersetuju untuk memberikan bantuan dalam perkara jenayah kepada Malaysia.

Pengisytiharan Negara asing yang ditetapkan

3. Australia diisytiharkan sebagai Negara asing yang ditetapkan bagi maksud Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002.

Pemakaian Akta kepada Australia

4. Bagi maksud Triti, Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 hendaklah terpakai berhubung dengan Australia.

Kemasukan Triti dalam Perintah

5. Terma-terma Triti dinyatakan dalam Jadual dan menjadi sebahagian daripada Perintah ini.

JADUAL
[Perenggan 5]

TRITI
ANTARA
KERAJAAN MALAYSIA
DAN
KERAJAAN AUSTRALIA
MENGENAI

BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Australia (kemudian daripada ini disebut secara sendirian sebagai “Pihak” dan secara kolektif sebagai “Pihak-Pihak”),

Dengan hasrat untuk meningkatkan keberkesanan pihak-pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang dengan membolehkan pelanjutan kepada satu sama lain kerjasama yang seluas mungkin dalam penyiasatan dan pendakwaan jenayah,

TELAH BERSETUJU seperti yang berikut:

PERKARA 1
RUANG LINGKUP PEMAKAIAN

1. Pihak-Pihak hendaklah, mengikut Triti ini dan dengan mematuhi undang-undang mereka masing-masing, memberikan kepada satu sama lain bantuan bersama yang seluas mungkin berkaitan dengan penyiasatan, pendakwaan dan prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah yang ke atasnya Pihak yang Meminta mempunyai bidang kuasa pada masa bantuan itu diminta.
2. Perkara jenayah termasuklah perkara-perkara yang berkaitan dengan kesalahan terhadap undang-undang berkenaan dengan percukaian, duti kastam, kawalan pertukaran wang dan perkara hasil lain.
3. Bantuan sedemikian hendaklah terdiri daripada:
 - (a) mengambil keterangan, termasuk testimoni, dokumen, rekod dan benda, melalui proses kehakiman;
 - (b) mengambil keterangan suka rela seseorang;

- (c) membekalkan dokumen dan rekod yang berkaitan, termasuk rekod bank, kewangan, korporat atau perniagaan;
 - (d) mencari dan mengenal pasti orang;
 - (e) melaksanakan penggeledahan dan penyitaan;
 - (f) mengenal pasti, mengesan, menyekat urusan dalam dan melucuthakkan peralatan yang didapatkan daripada atau yang digunakan dalam pelakuan sesuatu kesalahan dan hasil jenayah;
 - (g) mendapatkan penalti kewangan berkenaan dengan sesuatu kesalahan;
 - (h) mendapatkan persetujuan seseorang dan membuat perkiraan untuk orang itu memberikan keterangan atau bantuan dalam penyiasatan jenayah di Pihak yang Meminta dan, jika orang itu berada dalam jagaan, membuat perkiraan untuk pemindahan sementara orang dalam jagaan itu ke Pihak yang Meminta;
 - (i) menyampaikan dokumen kehakiman dan dokumen berkaitan;
 - (j) memeriksa objek dan tempat, setakat yang ia tidak tak selaras dengan undang-undang Pihak yang Diminta; dan
 - (k) bantuan lain yang selaras dengan tujuan Triti ini yang tidak tak selaras dengan undang-undang Pihak yang Diminta.
4. Bantuan tidak termasuk:
- (a) penangkapan atau penahanan mana-mana orang dengan tujuan untuk mengekstradisikan orang itu atau mengekstradisikan mana-mana orang;
 - (b) penguatkuasaan di Pihak yang Diminta akan penghakiman jenayah yang dikenakan di Pihak yang Meminta kecuali setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Pihak yang Diminta dan Triti ini;
 - (c) pemindahan orang dalam jagaan untuk menjalani hukuman; dan
 - (d) pemindahan prosiding dalam perkara jenayah.
5. Triti tidak memberi kuasa mana-mana Pihak untuk melaksanakan, di dalam wilayah Pihak yang satu lagi, pelaksanaan bidang kuasa atau pelaksanaan fungsi yang diletakkan dalam ruang lingkup eksklusif pihak berkuasa Pihak yang satu lagi oleh undang-undangannya.
6. Triti ini terpakai semata-mata kepada pemberian bantuan bersama dalam perkara jenayah antara Pihak-Pihak. Peruntukan-peruntukan Triti ini tidak mewujudkan apa-apa hak bagi pihak mana-mana orang persendirian untuk memperoleh apa-apa keterangan menurut Triti ini.

PERKARA 2

KESESUAIAN DENGAN PERKIRAAN LAIN

Triti ini tidak menjejaskan obligasi yang berkuat kuasa antara Pihak-Pihak menurut perjanjian antarabangsa lain dan ia juga tidak, jika dipersetujui oleh Pihak-Pihak, menghalang Pihak-Pihak memberikan bantuan kepada satu sama lain menurut perjanjian antarabangsa lain atau peruntukan undang-undang domestik mereka.

PERKARA 3

PENETAPAN PIHAK BERKUASA PUSAT

1. Pihak-Pihak hendaklah masing-masing menetapkan suatu Pihak Berkuasa Pusat bagi maksud Terti ini. Pihak Berkuasa Pusat bagi Australia adalah Jabatan Peguam Negara, Canberra dan Pihak Berkuasa Pusat bagi Malaysia adalah Peguam Negara. Setiap Pihak hendaklah dengan secepat mungkin memberitahu Pihak yang satu lagi mengenai apa-apa perubahan dalam penetapan Pihak Berkuasa Pusatnya.
2. Pihak Berkuasa Pusat hendaklah berkomunikasi secara langsung dengan satu sama lain tetapi boleh, jika mereka memilih sedemikian, berkomunikasi melalui saluran diplomatik.

PERKARA 4

PENOLAKAN BANTUAN

1. Bantuan hendaklah ditolak jika:
 - (a) permintaan itu berkaitan dengan penyiasaan, pendakwaan atau penghukuman seseorang bagi suatu kesalahan yang dianggap oleh Pihak yang Diminta sebagai, atau yang adalah oleh sebab hal keadaan yang dalamnya kesalahan itu dikatakan telah dilakukan atau telah dilakukan, suatu kesalahan yang bersifat politik;
 - (b) permintaan itu berkaitan dengan penyiasaan, pendakwaan atau penghukuman seseorang bagi suatu kesalahan yang jika kesalahan itu telah berlaku di Pihak yang Diminta, akan menjadi suatu kesalahan di bawah undang-undang tentera Pihak yang Diminta tetapi bukan juga di bawah undang-undang jenayah biasa Pihak yang Diminta;
 - (c) permintaan itu berkaitan dengan penyiasaan, pendakwaan atau penghukuman seseorang bagi suatu kesalahan dalam hal apabila orang itu:
 - (i) telah disabitkan, dibebaskan atau diberi pengampunan secara muktamad oleh suatu mahkamah yang berwibawa atau pihak berkuasa lain di Pihak yang Meminta; atau
 - (ii) telah menjalani hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang Pihak yang Meminta itu,berkenaan dengan kesalahan itu atau kesalahan lain yang terdiri daripada perbuatan atau peninggalan yang sama sebagaimana kesalahan yang mula-mula disebut itu;
 - (d) terdapat alasan substansial untuk mempercayai bahawa permintaan itu telah dibuat bagi maksud untuk menyasat, mendakwa atau menghukum atau selainnya menyebabkan kemudaratan kepada seseorang kerana ras, jantina, agama, kerakyatan, keturunan etnik atau pendapat politik orang itu;

- (e) Pihak yang Diminta berpendapat bahawa permintaan itu, jika dipersetujui, akan menjejaskan kedaulatannya, keselamatan, kepentingan negara, ketenteraman awam atau kepentingan utama lain Pihak yang Diminta;
 - (f) permintaan itu berkaitan dengan penyiasatan, pendakwaan atau penghukuman seseorang berkenaan dengan suatu perbuatan atau peninggalan yang, jika perbuatan atau peninggalan itu telah berlaku di Pihak yang Diminta, tidak akan menjadi suatu kesalahan terhadap undang-undang Pihak yang Diminta, kecuali bahawa Pihak yang Diminta boleh memberikan bantuan tanpa kewujudan dwi kejenayahan jika dibenarkan oleh undang-undang domestiknya; atau
 - (g) pemberian bantuan yang dikehendaki boleh memudaratkan suatu penyiasatan, pendakwaan atau prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah di Pihak yang Diminta, melainkan jika Pihak-Pihak bersetuju selainnya.
2. Bantuan boleh ditolak jika:
- (a) permintaan itu berkaitan dengan pendakwaan atau penghukuman seseorang bagi suatu kesalahan luar wilayah di bawah undang-undang Pihak yang Meminta dan kesalahan luar wilayah itu tidak boleh dihukum di bawah undang-undang Pihak yang Diminta jika kesalahan luar wilayah itu dilakukan dalam hal keadaan yang seumpamanya di luar Pihak yang Diminta;
 - (b) pemberian bantuan yang dikehendaki boleh menjejaskan keselamatan mana-mana orang, sama ada orang itu berada di dalam atau di luar Pihak yang Diminta; atau
 - (c) pemberian bantuan yang dikehendaki boleh mengenakan suatu beban yang berlebih-lebihan ke atas sumber-sumber Pihak yang Diminta.
3. Bagi maksud perenggan 1(c)(i), bantuan tidak boleh ditolak semata-mata atas alasan bahawa permintaan itu berkaitan dengan suatu perkara jenayah di mana seseorang telah disabitkan di Pihak yang Meminta jika hukuman belum dikenakan.
4. Bantuan tidak boleh ditolak semata-mata atas alasan kerahsiaan bank dan institusi kewangan yang seumpamanya atau bahawa kesalahan itu juga dianggap melibatkan perkara fiskal.
5. Sebelum menolak suatu permintaan Pihak yang Diminta hendaklah menimbang sama ada bantuan boleh diberikan tertakluk kepada apa-apa syarat yang didapatinya perlu. Jika Pihak yang Meminta menerima bantuan tertakluk kepada syarat-syarat itu, Pihak yang Meminta hendaklah mematuhi syarat-syarat itu.

PERKARA 5

KANDUNGAN PERMINTAAN

1. Permintaan bagi bantuan hendaklah termasuk:
- (a) tujuan permintaan dan suatu perihalan mengenai bantuan yang dikehendaki;

-
- (b) nama pejabat yang meminta dan pihak berkuasa yang berwibawa yang menjalankan penyiasatan, pendakwaan atau prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah yang dengannya permintaan itu berkaitan;
 - (c) suatu perihalan mengenai sifat perkara jenayah itu, setiap kesalahan yang dengannya permintaan itu berkaitan, termasuk penalti maksimumnya dan suatu pernyataan mengenai atau teks undang-undang yang berkaitan;
 - (d) kecuali dalam hal permintaan bagi penyampaian dokumen kehakiman dan dokumen berkaitan, suatu perihalan mengenai perbuatan atau peninggalan atau perkara yang dikatakan menjadikan kesalahan itu;
 - (e) suatu perihalan mengenai keterangan, maklumat atau bantuan lain yang dikehendaki;
 - (f) perintah mahkamah, jika ada, yang hendak dikuatkuasakan dan suatu pernyataan bahawa perintah itu adalah suatu perintah muktamad;
 - (g) sebab-sebab bagi dan butir-butir mengenai apa-apa tatacara atau kehendak tertentu yang Pihak yang Meminta ingin supaya diikuti, termasuk suatu pernyataan tentang sama ada keterangan atau pernyataan bersumpah atau berikrar dikehendaki;
 - (h) apa-apa kehendak khas bagi kerahsiaan dan sebab-sebab baginya;
 - (i) penetapan apa-apa had masa yang dalamnya pematuhan dengan permintaan itu dikehendaki; dan
 - (j) apa-apa maklumat lain yang perlu untuk melaksanakan permintaan itu dengan sewajarnya.
2. Permintaan bagi bantuan, setakat yang perlu dan berkaitan, hendaklah juga termasuk:
- (a) identiti, kerakyatan dan lokasi orang atau orang-orang yang menjadi subjek atau yang mungkin mempunyai maklumat yang berkaitan dengan penyiasatan, pendakwaan atau prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah;
 - (b) identiti dan lokasi seseorang yang kepadanya penyampaian akan dibuat, hubungan orang itu dengan prosiding jenayah itu, dan cara penyampaian dikehendaki dibuat;
 - (c) suatu perihalan mengenai dokumen, rekod atau butiran keterangan yang hendak dikemukakan serta suatu perihalan mengenai orang yang sepatutnya diminta untuk mengemukakannya dan, setakat yang tidak diperuntukkan selainnya, bentuk yang dalamnya dokumen, rekod atau butiran keterangan itu patut dikemukakan semula dan disahkan;
 - (d) suatu perihalan mengenai cara apa-apa testimoni atau pernyataan dikehendaki diambil dan direkodkan; dan

- (e) suatu perihalan mengenai harta, aset atau barang yang dengannya permintaan itu berkaitan, termasuk identiti dan lokasinya, dan apa-apa perintah mahkamah berkenaan dengan bantuan yang diminta dan suatu pernyataan berkenaan dengan kemuktamadan perintah itu.
3. Permintaan, dokumen sokongan dan komunikasi lain yang dibuat menurut Triti ini hendaklah dalam bahasa Inggeris.
4. Jika Pihak yang Diminta mendapati bahawa maklumat yang terkandung dalam permintaan itu tidak mencukupi untuk membolehkan permintaan itu diuruskan, Pihak yang Diminta boleh meminta maklumat tambahan. Pihak yang Meminta hendaklah membekalkan apa-apa maklumat tambahan yang didapati perlu oleh Pihak yang Diminta untuk membolehkan permintaan itu dipenuhi.

PERKARA 6

BENTUK PERMINTAAN

1. Permintaan bagi bantuan hendaklah dibuat secara bertulis atau, jika boleh, melalui apa-apa kaedah yang dapat menghasilkan suatu rekod bertulis di bawah keadaan yang membolehkan Pihak yang Diminta menentukan kesahan.
2. Pihak Berkuasa Pusat hendaklah membuat dan menerima permintaan melalui saluran diplomatik.
3. Pihak Berkuasa Pusat hendaklah menguruskan penghantaran semua permintaan dan apa-apa komunikasi yang berkaitan dengannya.

PERKARA 7

PELAKSANAAN PERMINTAAN

1. Permintaan bagi bantuan hendaklah dilaksanakan dengan segera, mengikut undang-undang dan tatacara Pihak yang Diminta dan, setakat yang tidak bertentangan dengan undang-undang dan tatacara tersebut, mengikut cara yang diminta oleh Pihak yang Meminta.
2. Pihak yang Diminta boleh menunda pelaksanaan permintaan itu jika pelaksanaan serta-merta akan menjejaskan mana-mana penyiasatan, pendakwaan atau prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah yang sedang berjalan di Pihak yang Diminta.
3. Pihak yang Diminta boleh menunda penghantarserahan dokumen, rekod atau barang yang diminta jika bahan itu dikehendaki bagi prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah atau sivil di Pihak itu. Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta, mengemukakan salinan diperakui bahan sedemikian.
4. Sebelum menunda pelaksanaan sesuatu permintaan menurut Perkara ini, Pihak yang Diminta hendaklah menimbang sama ada bantuan boleh diberikan tertakluk kepada syarat tertentu.

5. Jika Pihak yang Meminta menerima bantuan tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan di bawah Perkara ini, Pihak yang Meminta hendaklah mematuhi terma dan syarat itu.

6. Pihak yang Diminta hendaklah dengan segera memberitahu Pihak yang Meminta mengenai hal keadaan, apabila hal keadaan itu diketahui oleh Pihak yang Diminta, yang berkemungkinan menyebabkan kelengahan ketara untuk bergerak balas kepada permintaan itu.

7. Jika Pihak yang Diminta menolak atau menunda bantuan, Pihak yang Diminta hendaklah dengan segera memberitahu Pihak yang Meminta mengenai keputusan untuk tidak mematuhi secara keseluruhan atau sebahagiannya permintaan itu dan sebab bagi keputusan itu.

PERKARA 8

PEMULANGAN BAHAN KEPADA PIHAK YANG DIMINTA

1. Pihak yang Meminta hendaklah, apabila diminta, memulangkan dokumen, rekod atau barang yang dibekalkan di bawah Triti ini apabila tidak lagi diperlukan bagi penyiasatan, pendakwaan atau prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah yang berkaitan.

2. Walau apa pun perenggan 1, Pihak yang Meminta hendaklah pada bila-bila masa, apabila diminta, memulangkan secara sementara kepada Pihak yang Diminta apa-apa dokumen, rekod atau barang yang dibekalkan kepada Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan di bawah Triti ini jika ia diperlukan bagi sesuatu penyiasatan, pendakwaan atau prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah di Pihak yang Diminta, asalkan ia tidak mengkompromikan penyiasatan, pendakwaan atau prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah di Pihak yang Meminta.

PERKARA 9

PERLINDUNGAN KERAHSIAAN DAN SEKATAN KE ATAS PENGGUNAAN KETERANGAN DAN MAKLUMAT

1. Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta, menggunakan usaha terbaiknya untuk menjaga kerahsiaan permintaan bagi bantuan itu, kandungan permintaan itu dan dokumen sokongannya, hakikat pemberian bantuan itu dan apa-apa tindakan yang diambil menurut permintaan itu. Jika permintaan itu tidak dapat dilaksanakan tanpa melanggar kehendak kerahsiaan yang dinyatakan dalam permintaan itu, Pihak yang Diminta hendaklah memberitahu Pihak yang Meminta sedemikian yang kemudiannya hendaklah menentukan sama ada permintaan itu masih patut dilaksanakan.

2. Pihak yang Meminta hendaklah, apabila diminta, menggunakan usaha terbaiknya untuk menjaga kerahsiaan maklumat dan keterangan yang dibekalkan oleh Pihak yang Diminta, kecuali setakat yang keterangan dan maklumat itu diperlukan bagi penyiasatan, pendakwaan atau prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah yang diperihalkan dalam permintaan itu.
3. Pihak yang Meminta tidak boleh, tanpa persetujuan bertulis terlebih dahulu Pihak yang Diminta dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang didapati perlu oleh Pihak yang Diminta, menggunakan atau memindahkan maklumat atau keterangan yang dibekalkan oleh Pihak yang Diminta mahupun apa-apa yang didapatkan daripada maklumat atau keterangan sedemikian, bagi maksud selain daripada maksud yang dinyatakan dalam permintaan itu.
4. Walau apa pun perenggan 3, dalam hal di mana pertuduhan dipinda, maklumat atau keterangan yang dibekalkan boleh, dengan persetujuan bertulis terlebih dahulu Pihak yang Diminta, digunakan setakat yang kesalahan itu, sebagaimana yang dipertuduhkan, merupakan suatu kesalahan yang berkenaan dengannya bantuan bersama boleh diberikan di bawah Triti ini.

PERKARA 10

PENYAMPAIAN DOKUMEN

1. Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta, menggunakan usaha terbaiknya untuk melaksanakan penyampaian apa-apa dokumen yang berkaitan dengan suatu perkara jenayah di Pihak yang Meminta.
2. Pihak yang Meminta hendaklah menghantar apa-apa permintaan bagi penyampaian dokumen yang menghendaki sesuatu jawapan daripada atau kehadiran seseorang di Pihak yang Meminta tidak lewat daripada 45 hari sebelum tarikh yang padanya jawapan atau kehadiran itu dikehendaki. Dalam hal yang memerlukan tindakan segera, Pihak yang Diminta boleh mengetepikan kehendak ini.
3. Pihak yang Diminta boleh melaksanakan penyampaian mana-mana dokumen melalui pos atau, jika diminta sedemikian oleh Pihak yang Meminta, dalam apa-apa cara lain yang dikehendaki oleh undang-undang Pihak yang Meminta yang tidak tak selaras dengan undang-undang Pihak yang Diminta.
4. Pihak yang Diminta hendaklah memajukan kepada Pihak yang Meminta bukti penyampaian dokumen itu. Jika penyampaian tidak dapat dilaksanakan, Pihak yang Meminta hendaklah diberitahu dengan sewajarnya dan dimaklumkan mengenai sebabnya.

PERKARA 11

MENCARI ATAU MENGENAL PASTI ORANG

Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta, menggunakan usaha terbaiknya untuk menentukan lokasi atau identiti seseorang yang dinyatakan dalam permintaan itu dan yang dengan semunasabahnya dipercayai berada di dalam wilayahnya.

PERKARA 12

PEMEROLEHAN PERNYATAAN SUKA RELA

1. Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta, menggunakan usaha terbaiknya untuk memperoleh pernyataan suka rela daripada seseorang bagi maksud sesuatu penyiasatan, pendakwaan atau prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah untuk dihantar ke Pihak yang Meminta.
2. Suatu permintaan di bawah Perkara ini hendaklah menyatakan hal perkara yang berkenaannya pernyataan suka rela hendak diperoleh, termasuk apa-apa soalan yang hendak ditujukan kepada orang yang daripadanya pernyataan itu hendak diperoleh.

PERKARA 13

PENGAMBILAN KETERANGAN

1. Jika suatu permintaan dibuat bagi maksud prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah di Pihak yang Meminta, Pihak yang Diminta hendaklah mengambil keterangan seseorang untuk dihantar ke Pihak yang Meminta.
2. Bagi maksud Terti ini, pengambilan keterangan hendaklah termasuk pengemukaan dokumen, rekod atau barang lain.
3. Suatu permintaan di bawah Perkara ini hendaklah menyatakan hal perkara yang berkenaannya keterangan hendak diambil, termasuk apa-apa soalan yang hendak ditujukan kepada orang yang daripadanya keterangan hendak diambil.
4. Apabila diminta oleh Pihak yang Meminta, pihak kepada prosiding yang berkaitan di Pihak yang Meminta, wakilnya di sisi undang-undang dan wakil Pihak yang Meminta boleh, tertakluk kepada undang-undang dan tatacara Pihak yang Diminta, hadir dan menyoal orang yang daripadanya keterangan hendak diambil.
5. Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menghalang penggunaan hubungan video secara langsung atau televisyen secara langsung atau kemudahan komunikasi lain yang sesuai mengikut undang-undang dan tatacara Pihak yang Diminta bagi maksud melaksanakan Perkara ini jika ia adalah suai manfaat dan demi kepentingan keadilan untuk berbuat sedemikian.
6. Seseorang yang daripadanya keterangan hendak diambil di Pihak yang Diminta di bawah Perkara ini boleh enggan memberikan keterangan jika sama ada:
 - (a) undang-undang Pihak yang Diminta membenarkan atau menghendaki supaya orang itu tidak memberikan keterangan dalam hal keadaan yang seumpamanya dalam prosiding yang bermula di Pihak yang Diminta; atau
 - (b) undang-undang Pihak yang Meminta membenarkan atau menghendaki supaya orang itu tidak memberikan keterangan dalam hal keadaan yang seumpamanya dalam prosiding yang bermula di Pihak yang Meminta.

7. Jika mana-mana orang menuntut bahawa terdapat hak atau obligasi untuk enggan memberikan keterangan di bawah undang-undang Pihak yang Meminta, Pihak itu hendaklah, apabila diminta, membekalkan suatu perakuan kepada Pihak yang Diminta tentang kewujudan hak atau obligasi itu. Jika tidak ada keterangan yang berlawanan, perakuan itu hendaklah membekalkan keterangan yang mencukupi tentang kewujudan hak atau obligasi itu.

PERKARA 14

KEHADIRAN ORANG UNTUK MEMBANTU DALAM PENYIASATAN ATAU MEMBERIKAN KETERANGAN

1. Pihak yang Meminta boleh meminta bantuan Pihak yang Diminta untuk mendapatkan persetujuan seseorang dan untuk membuat perkiraan bagi orang itu:

- (a) membantu dalam penyiasatan yang berkenaan dengan perkara jenayah di Pihak yang Meminta; atau
- (b) hadir sebagai saksi dalam prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah di Pihak yang Meminta melainkan jika orang itu adalah orang yang dituduh.

2. Pihak yang Diminta hendaklah, jika berpuas hati bahawa perkiraan yang memuaskan bagi keselamatan seseorang akan dibuat oleh Pihak yang Meminta, mendapatkan persetujuan orang itu untuk membantu dalam penyiasatan atau hadir sebagai saksi dalam prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah.

3. Suatu permintaan di bawah Perkara ini hendaklah mengandungi maklumat mengenai perkara yang berikut:

- (a) fi, elaun dan perbelanjaan, jika ada, yang orang itu berhak menerima;
- (b) perkiraan, jika ada, bagi keselamatan orang itu semasa perjalanan orang itu ke, dari dan dalam Pihak yang Meminta; dan
- (c) perkiraan bagi penginapan orang itu di Pihak yang Meminta.

4. Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menghalang penggunaan hubungan video secara langsung atau televisyen secara langsung atau kemudahan komunikasi lain yang sesuai mengikut undang-undang dan tatacara Pihak yang Diminta jika ia adalah suai manfaat dan demi kepentingan keadilan untuk berbuat sedemikian.

PERKARA 15

KEHADIRAN ORANG DALAM JAGAAN UNTUK MEMBANTU DALAM PENYIASATAN ATAU MEMBERIKAN KETERANGAN

1. Pihak yang Diminta boleh, apabila diminta dan jika tidak tak selaras dengan undang-undangnya, memindahkan secara sementara seseorang dalam jagaan di Pihak yang Diminta, tertakluk kepada persetujuan orang itu, ke Pihak yang Meminta untuk membantu dalam penyiasatan atau untuk memberikan keterangan dalam prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah di Pihak yang Meminta.

2. Semasa orang yang dipindahkan itu dikehendaki ditahan dalam jagaan di bawah undang-undang Pihak yang Diminta, Pihak yang Meminta hendaklah menahan orang itu dalam jagaan dan hendaklah mengembalikan orang itu dalam jagaan kepada Pihak yang Diminta apabila perkara yang berkenaan dengannya pemindahan itu dikehendaki selesai atau pada bila-bila masa yang lebih awal jika kehadiran orang itu tidak lagi dikehendaki.
3. Jika Pihak yang Diminta menasihatkan Pihak yang Meminta bahawa orang yang dipindahkan itu tidak lagi dikehendaki ditahan dalam jagaan, orang itu hendaklah dilepaskan daripada jagaan dan dianggap sebagai seseorang yang disebut dalam Perkara 14 Triti ini.
4. Pihak yang Meminta tidak boleh menghendaki Pihak yang Diminta untuk memulakan prosiding ekstrasidasi bagi mendapatkan kembali orang yang dipindahkan itu.
5. Tempoh orang itu berada di bawah jagaan Pihak yang Meminta hendaklah diambil kira dalam mengira tempoh pemenjaraan atau tahanan orang itu di Pihak yang Diminta.
6. Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menghalang penggunaan hubungan video secara langsung atau televisyen secara langsung atau kemudahan komunikasi lain yang sesuai mengikut undang-undang dan tatacara Pihak yang Diminta jika ia adalah suai manfaat dan demi kepentingan keadilan untuk berbuat sedemikian.

PERKARA 16

PERJALANAN SELAMAT

1. Tertakluk kepada perenggan 2, jika seseorang hadir di Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan yang dibuat di bawah Perkara 14 atau 15 Triti ini:
 - (a) orang itu tidak boleh ditahan, didakwa, dihukum atau dikenakan apa-apa sekatan kebebasan diri yang lain di Pihak yang Meminta berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan atau sabitan bagi apa-apa kesalahan terhadap undang-undang Pihak yang Meminta yang dikatakan telah dilakukan, atau yang telah dilakukan, sebelum orang itu berlepas dari Pihak yang Diminta;
 - (b) orang itu tidak boleh, tanpa persetujuan orang itu, dikehendaki untuk memberikan keterangan dalam apa-apa prosiding atau untuk membantu apa-apa penyiasatan di Pihak yang Meminta selain daripada prosiding atau penyiasatan yang dengannya permintaan itu berkaitan; dan
 - (c) orang itu tidak boleh dikenakan apa-apa guaman sivil berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang telah berlaku sebelum orang itu berlepas dari Pihak yang Diminta.
2. Perenggan 1 Perkara ini hendaklah terhenti terpakai jika orang itu, yang bebas dan berupaya untuk pergi, tidak meninggalkan Pihak yang Meminta

dalam tempoh 15 hari setelah orang itu diberitahu secara rasmi bahawa kehadiran orang itu tidak lagi dikehendaki atau, setelah meninggalkan Pihak yang Meminta, telah kembali secara suka rela.

3. Keterangan yang diambil di bawah Perkara 14 atau 15 Triti ini tidak boleh diterima atau digunakan selainnya dalam apa-apa pendakwaan orang itu atas sesuatu kesalahan terhadap undang-undang Pihak yang Meminta kecuali bagi pendakwaan orang itu bagi penghinaan mahkamah, sumpah bohong atau pembuatan pengisytiharan palsu.

4. Seseorang yang tidak bersetuju untuk hadir di Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan yang dibuat di bawah Perkara 14 atau 15 Triti ini tidak boleh, oleh sebab itu, dikenakan apa-apa penalti atau dikenakan apa-apa tindakan paksaan walau apa pun apa-apa jua yang bertentangan dalam permintaan itu atau dalam apa-apa dokumen yang disertakan dengan permintaan itu.

PERKARA 17

TRANSIT ORANG DALAM JAGAAN

1. Pihak yang Diminta boleh, apabila diminta dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, membenarkan transit seseorang yang ditahan dalam jagaan, oleh Pihak yang Meminta atau suatu Negara ketiga, yang kehadiran persendirianya telah diminta oleh Pihak yang Meminta bagi sesuatu penyiasatan, pendakwaan atau prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah melalui wilayahnya.

2. Jika pesawat terbang, kenderaan air atau kereta api yang membawa orang itu mendarat atau berlabuh atau berhenti di Pihak yang Diminta, pegawai penjaga atau pengiring Pihak yang Meminta atau, jika berkenaan, Negara ketiga yang sedang membantu Pihak yang Meminta untuk memudahkan pemindahan itu hendaklah terus bertanggungjawab bagi jagaan orang yang dibawa itu semasa orang itu berada dalam transit di Pihak yang Diminta, melainkan jika ditentukan selainnya oleh Pihak yang Diminta.

3. Tanpa menjejaskan perenggan 2 dan jika ditentukan oleh Pihak yang Diminta, orang yang dibawa itu boleh ditahan secara sementara dalam jagaan pihak berkuasa berwajib Pihak yang Diminta sehingga perjalanan orang itu diteruskan.

4. Jika seseorang ditahan dalam jagaan di Pihak yang Diminta dalam transit dan perjalanan orang itu tidak diteruskan dalam tempoh masa yang munasabah, Pihak yang Diminta boleh mengarahkan supaya orang itu dibawa dalam jagaan ke Negara yang darinya orang itu mula-mula dibawa.

5. Segala kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pihak yang Diminta berkenaan dengan perenggan 3 dan 4 hendaklah dibayar balik oleh Pihak yang Meminta.

PERKARA 18

PEMBEKALAN DOKUMEN DAN REKOD YANG TERSEDIA SECARA AWAM DAN
DOKUMEN DAN REKOD RASMI

1. Pihak yang Diminta hendaklah membekalkan kepada Pihak yang Meminta salinan dokumen dan rekod yang terbuka kepada akses awam sebagai sebahagian daripada suatu daftar awam atau selainnya, atau yang boleh dibeli oleh orang awam.
2. Pihak yang Diminta boleh membekalkan kepada Pihak yang Meminta salinan apa-apa dokumen atau rekod rasmi mengikut cara yang sama dan di bawah syarat yang sama sebagaimana yang dokumen atau rekod sedemikian dibekalkan kepada pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang dan kehakimannya sendiri.

PERKARA 19

PENGGELEDAHAN DAN PENYITAAN

1. Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta dan jika tidak tak selaras dengan undang-undangnya, melaksanakan permintaan bagi penggeledahan dan penyitaan dan penghantarserahan apa-apa dokumen, rekod atau barang kepada Pihak yang Meminta jika terdapat alasan munasabah untuk mempercayai bahawa dokumen, rekod atau barang itu berkaitan dengan sesuatu perkara jenayah bagi maksud keterangan dan jika permintaan itu termasuk maklumat yang menjustifikasikan tindakan sedemikian di bawah undang-undang Pihak yang Diminta.
2. Pihak yang Diminta hendaklah membekalkan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Pihak yang Meminta berkenaan dengan hasil apa-apa penggeledahan, tempat penyitaan, hal keadaan penyitaan dan jagaan selanjutnya dokumen, rekod atau barang yang disita.
3. Pihak yang Meminta hendaklah mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Pihak yang Diminta berhubung dengan apa-apa dokumen, rekod atau barang yang disita yang dihantarserahkan kepada Pihak yang Meminta.

PERKARA 20

PERALATAN DAN HASIL JENAYAH

1. Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta, menggunakan usaha terbaiknya untuk menentukan sama ada apa-apa peralatan atau hasil jenayah terletak dalam bidang kuasanya dan hendaklah memberitahu Pihak yang Meminta mengenai hasil siasatannya. Dalam membuat permintaan itu, Pihak yang Meminta hendaklah memberitahu Pihak yang Diminta mengenai asas kepercayaannya bahawa peralatan atau hasil sedemikian terletak dalam bidang kuasanya.
2. Jika peralatan atau hasil jenayah yang disyaki dijumpai atau dipercayai terletak di Pihak yang Diminta, Pihak yang Diminta hendaklah mengambil apa-

apa langkah yang dibenarkan oleh undang-undangnya untuk mencegah apa-apa urusan mengenai, pemindahan atau pelupusan, peralatan atau hasil jenayah yang disyaki itu, sementara menunggu suatu penentuan muktamad berkenaan dengan peralatan atau hasil itu oleh suatu mahkamah di Pihak yang Meminta.

3. Pihak yang Diminta hendaklah, setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, melaksanakan suatu perintah muktamad yang melucuthakkan peralatan atau hasil jenayah, atau suatu pengisytiharan bahawa peralatan atau hasil jenayah sedemikian telah dilucuthakkan atau suatu perintah muktamad bagi mendapatkan penalti kewangan yang dibuat oleh suatu mahkamah Pihak yang Meminta. Pihak yang Diminta hendaklah membantu Pihak yang Meminta dalam apa-apa prosiding berkaitan yang berbangkit daripada penguatkuasaan perintah muktamad atau pengisytiharan sedemikian di Pihak yang Diminta.

4. Dalam pemakaian Perkara ini, hak pihak ketiga *bona fide* hendaklah dihormati di bawah undang-undang Pihak yang Diminta.

5. Pihak yang Diminta hendaklah menguruskan peralatan atau hasil jenayah yang dilucuthakkan atau penalti kewangan yang didapatkan itu mengikut undang-undangnya. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, Pihak yang Diminta boleh memindahkan keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada hasil atau peralatan jenayah yang dilucuthakkan atau nilainya atau penalti kewangan yang didapatkan ke Pihak yang Meminta atas apa-apa terma yang didapatinya patut.

6. Dalam Triti ini “hasil jenayah” termasuklah apa-apa harta yang didapatkan atau direalisasikan, secara langsung atau tidak langsung, daripada pelakuan sesuatu kesalahan atau harta yang merupakan nilai harta dan faedah lain yang bersamaan yang didapatkan daripada pelakuan sesuatu kesalahan.

7. Dalam Triti ini “peralatan jenayah” ertinya apa-apa harta yang digunakan dalam atau yang diniatkan untuk digunakan dalam, atau berkaitan dengan, pelakuan sesuatu kesalahan.

PERKARA 21

PEMERAKUAN DAN PENGESAHAN

1. Dokumen, rekod atau barang yang menyokong sesuatu permintaan bagi bantuan yang melibatkan penggunaan tindakan paksaan atau pelucuthakan hasil jenayah hendaklah disahkan mengikut perenggan 2. Dokumen, rekod atau barang yang dikemukakan berdasarkan sesuatu permintaan hendaklah disahkan dengan seumpamanya jika diminta.

2. Dokumen, rekod atau barang adalah disahkan bagi maksud Triti ini jika:

- (a) dokumen, rekod atau barang itu berupa sebagai ditandatangani atau diperakui oleh seorang hakim, majistret atau pegawai lain yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh undang-undang Pihak yang menghantar dokumen, rekod atau barang itu; dan

- (b) sama ada:
- (i) dokumen, rekod atau barang itu dimeterai dengan meterai rasmi atau meterai awam Pihak yang menghantar dokumen, rekod atau barang itu atau Menteri Kerajaan, atau jabatan atau pegawai kerajaan, Pihak tersebut; atau
 - (ii) dokumen, rekod atau barang itu ditentukan dengan sumpah atau ikrar saksi, atau pegawai kerajaan Pihak yang Diminta.
3. Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menghalang pembuktian apa-apa perkara atau kebolehterimaan sebagai keterangan apa-apa dokumen mengikut undang-undang Pihak yang Meminta.
4. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang setiap Pihak:
- (a) sesuatu dokumen yang ditandatangani dengan tandatangan digital atau elektronik mengikut undang-undang Pihak yang berkenaan hendaklah mengikat di sisi undang-undang seperti suatu dokumen yang ditandatangani dengan suatu tandatangan tulisan tangan, suatu cap ibu jari yang dicapkan atau apa-apa tanda lain; dan
 - (b) suatu tandatangan digital atau elektronik yang diwujudkan mengikut undang-undang Pihak yang berkenaan hendaklah disifatkan sebagai suatu tandatangan yang mengikat di sisi undang-undang.

PERKARA 22

PERKIRAAN SUBSIDIARI

Pihak-Pihak boleh membuat perkiraan subsidiari yang selaras dengan tujuan Triti ini dan dengan undang-undang kedua-dua Pihak.

PERKARA 23

REPRESENTASI DAN KOS

1. Melainkan jika dipersetujui selainnya antara Pihak-Pihak, Pihak yang Diminta hendaklah membuat segala perkiraan yang perlu bagi representasi Pihak yang Meminta dalam apa-apa prosiding yang berbangkit daripada sesuatu permintaan bagi bantuan dan hendaklah selainnya mewakili kepentingan Pihak yang Meminta.
2. Pihak yang Diminta hendaklah menanggung segala perbelanjaan biasa bagi melaksanakan permintaan bagi bantuan itu kecuali bahawa Pihak yang Meminta hendaklah menanggung:
- (a) perbelanjaan yang berkaitan dengan pembawaan mana-mana orang ke atau dari wilayah Pihak yang Diminta, dan apa-apa fi, elaun atau perbelanjaan yang kena dibayar kepada orang itu semasa orang itu berada di Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan di bawah Perkara 14 atau 15 Triti ini;
 - (b) perbelanjaan yang berkaitan dengan pembawaan pegawai penjaga atau pengiring;

- (c) fi peguam yang diambil atas permintaan Pihak yang Meminta;
- (d) fi dan perbelanjaan saksi pakar; dan
- (e) kos penterjemahan, pentafsiran dan pentranskripsian.

3. Melainkan jika Pihak-Pihak bersetuju bersama selainnya, Pihak yang Meminta hendaklah membayar balik kepada Pihak yang Diminta kos yang berkaitan dengan penggunaan hubungan video secara langsung atau televisyen secara langsung atau kemudahan komunikasi lain yang sesuai, termasuk:

- (a) kos pewujudan dan penservisan;
- (b) saraan penterjemah yang dibekalkan oleh Pihak yang Diminta; dan
- (c) elaun kepada saksi dan perbelanjaan perjalanannya di dalam Pihak yang Diminta.

4. Jika semasa pelaksanaan permintaan itu adalah jelas bahawa perbelanjaan yang bersifat luar biasa atau besar adalah dikehendaki untuk memenuhi permintaan itu, Pihak-Pihak hendaklah berunding untuk menentukan terma dan syarat yang di bawahnya pelaksanaan permintaan itu boleh dijalankan atau diteruskan.

PERKARA 24

RUNDINGAN

1. Bagi maksud menggalakkan penggunaan Triti ini yang paling berkesan, Pihak-Pihak hendaklah berunding, pada masa yang dipersetujui bersama oleh mereka, berkenaan pentafsiran, pemakaian atau pelaksanaan Triti ini sama ada secara am atau berhubung dengan sesuatu kes tertentu.

2. Pihak-Pihak boleh memajukan apa-apa langkah praktikal yang didapati perlu untuk melicinkan pelaksanaan Triti ini.

PERKARA 25

PENYELESAIAN PERTIKAIAN

Apa-apa perbezaan atau pertikaian antara Pihak-Pihak yang berbangkit daripada pentafsiran atau pelaksanaan peruntukan Triti ini hendaklah diselesaikan secara persahabatan melalui rundingan atau runding bicara antara Pihak-Pihak melalui saluran diplomatik tanpa merujuk kepada mana-mana pihak ketiga atau tribunal antarabangsa.

PERKARA 26

PINDAAN

1. Triti ini boleh diubah suai atau dipinda pada bila-bila masa melalui persetujuan bertulis bersama Pihak-Pihak. Ubah suaian atau pindaan sedemikian akan mula berkuat kuasa pada tarikh yang dipersetujui bersama oleh Pihak-Pihak dan akan menjadi sebahagian daripada Triti ini.

2. Apa-apa ubah suaian atau pindaan tidaklah menjejaskan hak dan obligasi yang berbangkit daripada atau yang berdasarkan Triti ini sebelum atau sehingga tarikh ubah suaian atau pindaan itu mula berkuat kuasa.

PERKARA 27

PERMULAAN KUAT KUASA

1. Triti ini hendaklah mula berkuat kuasa 30 hari selepas tarikh Pihak-Pihak memberitahu satu sama lain secara bertulis bahawa kehendak mereka masing-masing bagi permulaan kuat kuasa Triti ini telah dipatuhi.
2. Triti ini hendaklah terpakai bagi permintaan yang dikemukakan selepas tarikh permulaan kuat kuasanya tidak kira perbuatan atau peninggalan yang berkaitan yang menjadi kesalahan atau kesalahan-kesalahan yang dengannya permintaan itu berkaitan berlaku sebelum atau selepas tarikh itu.

PERKARA 28

PENAMATAN

1. Mana-mana Pihak boleh menamatkan Triti ini melalui pemberitahuan secara bertulis pada bila-bila masa dan Triti ini hendaklah terhenti berkuat kuasa enam bulan selepas tarikh yang padanya pemberitahuan diberikan.
2. Penamatan Triti ini tidaklah menjejaskan hak dan obligasi yang berbangkit daripada atau yang berdasarkan Triti ini dan penyempurnaan apa-apa permintaan yang dibuat menurut Triti ini sebelum atau sehingga tarikh penamatan itu.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, yang bertandatangan di bawah ini, yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Triti ini.

DIBUAT di Putrajaya pada 15 haribulan November Dua Ribu dan Lima dalam dua salinan asal dalam bahasa Inggeris.

BAGI KERAJAAN MALAYSIA

BAGI KERAJAAN AUSTRALIA

Tan Sri Abdul Gani Patail
Peguam Negara Malaysia

Hon. Christopher Martin Ellison
Menteri Kehakiman dan Kastam

Pertukaran Nota antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Australia mengenai
Triti mengenai Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah

7 Disember 2005

Nota dari Malaysia

Saya diberi penghormatan untuk merujuk kepada Triti mengenai Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah yang ditandatangani pada 15 November 2005 antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Australia (“Triti”), dan bersetuju bahawa Triti itu ditafsirkan dan dipakai mengikut peruntukan yang dinyatakan dalam Nota ini.

Perkara 1(1) Triti menyatakan bahawa “Pihak-Pihak hendaklah, mengikut Triti ini dan dengan mematuhi undang-undang mereka masing-masing, memberikan kepada satu sama lain bantuan bersama yang seluas mungkin berkaitan dengan penyiasatan, pendakwaan dan prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah yang ke atasnya Pihak yang Meminta mempunyai bidang kuasa pada masa bantuan itu diminta.” Pihak-Pihak bersetuju bahawa ungkapan “dengan mematuhi undang-undang mereka masing-masing” hendaklah termasuk batasan atas bantuan yang dinyatakan dalam seksyen 8 *Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 1987* Australia, termasuk seksyen 8(1A) dan 8(1B), selagi undang-undang ini berkuat kuasa.

Saya diberi penghormatan selanjutnya untuk mencadangkan bahawa Nota ini dan Nota jawapan Tuan Yang Terutama yang mengesahkan bagi pihak Kerajaan Australia bahawa perkiraan yang disebut terdahulu hendaklah diambil kira sebagai menjadi suatu persetujuan antara kedua-dua Kerajaan, yang hendaklah mula berkuat kuasa serentak dengan Triti itu.

Terimalah, Tuan Yang Terutama, ulangan jaminan penghargaan saya yang setinggi-tingginya.

TAN SRI ABDUL GANI PATAIL
Pegum Negara Malaysia

Nota dari Australia

Saya diberi penghormatan untuk mengaku terima Nota Tuan Yang Terutama bertarikh hari ini, yang menyatakan seperti berikut:

“Saya diberi penghormatan untuk merujuk kepada Triti mengenai Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah yang ditandatangani pada 15 November 2005 antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Australia (“Triti”), dan bersetuju bahawa Triti itu ditafsirkan dan dipakai mengikut peruntukan yang dinyatakan dalam Nota ini.

Perkara 1(1) Triti menyatakan bahawa “Pihak-Pihak hendaklah, mengikut Triti ini dan dengan mematuhi undang-undang mereka masing-masing, memberikan kepada satu sama lain bantuan bersama yang seluas mungkin berkaitan dengan penyiasatan, pendakwaan dan prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah yang ke atasnya Pihak yang Meminta mempunyai

bidang kuasa pada masa bantuan itu diminta.” Pihak-Pihak bersetuju bahawa ungkapan “dengan mematuhi undang-undang mereka masing-masing” hendaklah termasuk batasan atas bantuan yang dinyatakan dalam seksyen 8 *Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 1987* Australia, termasuk seksyen 8(1A) dan 8(1B), selagi undang-undang ini berkuat kuasa.

Saya diberi penghormatan selanjutnya untuk mencadangkan bahawa Nota ini dan Nota jawapan Tuan Yang Terutama yang mengesahkan bagi pihak Kerajaan Australia bahawa perkiraan yang disebut terdahulu hendaklah diambil kira sebagai menjadi suatu persetujuan antara kedua-dua Kerajaan, yang hendaklah mula berkuat kuasa serentak dengan Triti itu.”

Saya diberi penghormatan untuk mengesahkan bagi pihak Kerajaan Australia bahawa cadangan di atas boleh diterima oleh Kerajaan Australia, dan bahawa Nota Tuan Yang Terutama dan Nota jawapan ini hendaklah menjadi suatu persetujuan antara kedua-dua Kerajaan, yang hendaklah mula berkuat kuasa serentak dengan Triti mengenai Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah itu.

Terimalah, Tuan Yang Terutama, ulangan jaminan penghargaan saya yang setinggi-tingginya.

JAMES JOSEPH WISE
*Pesuruhjaya Tinggi Australia
ke Malaysia*

Dibuat 3 Januari 2006
[JPN(R) 152/185/29/4 Jld. 5; PN(PU²)628/II]

DATO’ SERI MOHD RADZI SHEIKH AHMAD
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS ACT 2002

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS (AUSTRALIA) ORDER 2006

IN exercise of the powers conferred by subsection 17(1) of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 [*Act 621*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Mutual Assistance in Criminal Matters (Australia) Order 2006**.

